

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapa surat saman dari pihak Tenaga Nasional Berhad telah dikeluarkan kerana usikan meter sejak projek penukaran 'smart meter' dilaksanakan. Apakah solusi bagi penerima surat saman tersebut yang tidak bersalah?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga akhir bulan September 2021, jumlah kes bersabit dan diberi surat tuntutan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkaitan kes pengusikan meter yang ditemui semasa penukaran meter kepada meter pintar adalah sebanyak 338 kes.

2. Selaras dengan Seksyen 38 Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] serta Garis Panduan Prosedur Tuntutan Kerugian Hasil Oleh Pemegang Lesen Bagi Kes-Kes Penggunaan Elektrik Secara Curang yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST), TNB sebagai pemegang lesen boleh mengambil tindakan seperti pemotongan bekalan elektrik ke premis dan menuntut kerugian hasil yang berlaku disebabkan pengusikan meter.

3. Walau bagaimanapun, pengguna yang disabitkan atau diberikan surat tuntutan boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh TNB bagi mendengar rayuan pengguna berkaitan tuntutan yang dibuat oleh TNB. Dalam hal ini, pengguna diberikan ruang dan hak untuk membuat rayuan sebelum tindakan selanjutnya diteruskan oleh TNB.

4. Selain itu, pengguna masih boleh membuat aduan kepada ST melalui pelbagai kaedah seperti sistem eAduan ST, e-mel, surat, dan panggilan telefon untuk siasatan lanjut sekiranya mendapati tuntutan TNB tidak munasabah kepada mereka.

Sekian, terima kasih.